



GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

ISI KANDUNGAN

- 1.0 TUJUAN

- 2.0 PENGENALAN GARIS PANDUAN

- 3.0 GARIS PANDUAN
 - 3.1 Permohonan Penempatan Latihan Industri
 - 3.2 Sebelum Menjalani Latihan Industri
 - 3.3 Semasa Menjalani Latihan Industri
 - 3.4 Tempoh LI Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
 - 3.4.1 Kehadiran Memenuhi 80%
 - 3.4.2 Kehadiran Tidak Memenuhi 80% Tetapi Melebihi 40%
 - 3.4.3 Kehadiran Tidak Memenuhi 40%
 - 3.5 Kaedah Penggantian / Alternatif kepada Latihan Industri Semasa PKP
 - 3.5.1 Pelaksanaan Projek
 - 3.5.2 Pembangunan Projek Jenis Nyata dan Projek Jenis Kajian
 - 3.5.3 Tempoh Projek
 - 3.5.4 Pengesahan Cadangan Projek
 - 3.5.5 Penglibatan Projek
- 4.0 Lawatan Pemantauan Latihan Industri
- 5.0 Verifikasi Latihan Industri
- 6.0 Tanggungjawab Ketua Program
- 7.0 Tanggungjawab Pelajar
- 8.0 Tanggungjawab Penyelaras LI
- 9.0 Tanggungjawab Penyelia Industri
- 10.0 Tanggungjawab Ketua Unit
- 11.0 Tanggungjawab Pegawai Pemantau LI
- 12.0 Penutup



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) CIAS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

1.0 TUJUAN

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS) mengambil inisiatif dalam merangka pengurusan pelaksanaan Latihan Industri (LI) berlandaskan norma baharu ke arah memastikan keberkesanan latihan tercapai dengan meminimumkan risiko penularan Covid-19. Ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat pelajar yang mengalami kesukaran untuk melengkapkan tempoh LI selepas syarikat/industri terpaksa menghadkan atau menghentikan operasi bagi meminimumkan risiko pelajar terdedah kepada jangkitan sekiranya LI diteruskan. Lebih membimbangkan apabila terdapat pelajar yang langsung belum melapor diri di organisasi susulan tidak berjaya mendapat penempatan LI di fasa permohonan latihan. Justeru, garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelaras LI, penyelia industri, pengajar dan pelajar CIAS bagi memulakan LI mahupun melengkapkan LI melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) bagi merealisasikan pelaksanaan LI yang lebih bersistematik dan mencapai objektif latihan yang ditetapkan dalam tempoh PKP.

Program yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) - LI (LI); dan
- ii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5) - LI (LI);

2.0 PENGENALAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini mempunyai enam(6) bahagian utama:

- i. Permohonan Penempatan LI;
- ii. Sebelum Menjalani LI;
- iii. Semasa Menjalani LI;
- iv. Tempoh LI Semasa PKP;
- v. Kaedah Penggantian/Alternatif kepada LI dalam Tempoh PKP; dan
- vi. Tanggungjawab personel yang terlibat dalam pelaksanaan LI.

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan :

- i. LI dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dalam keadaan yang selamat;
- ii. Penyelaras LI dapat mengenalpasti dan merancang langkah pemulihan sepanjang tempoh PKP; dan
- iii. Ibu bapa / penjaga dapat bersama-sama mengambil tanggungjawab dalam memastikan kelangsungan LI pelajar walaupun tidak dapat menghadiri LI secara bersemuka.

Garis panduan ini hendaklah dibaca dengan dokumen berikut:

- i. Panduan Pelaksanaan SLaPB Berasaskan Kredit, JPK/700/5 JLD. 41 (55), 01 November 2019
- ii. Garis Panduan Pelaksanaan LI (LI) dan Internship dalam Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), JPK/700/114 (4), 18 Mac 2020
- iii. Panduan Pelaksanaan Projek Akhir Kaedah Pentauliahan di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)
- iv. Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), JPK/700/114/3, 13 April 2020
- v. Garis Panduan Pelaksanaan PdP Norma Baharu di CIAST Shah Alam Versi 2.0
- vi. Peraturan Tatatertib & Akademik Pelajar CIAST; dan
- vii. Semua dasar, prosedur dan pekeliling berkaitan yang dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 oleh Pengurusan CIAST serta Kerajaan Malaysia.

3.0 GARIS PANDUAN

3.1 Permohonan Penempatan Latihan Industri (LI)

- a. Pelajar dibenarkan membuat pencarian dan pemilihan penempatan LI berdasarkan kepada saluran yang ditetapkan oleh penyelaras LI. Pelajar dikehendaki menyerahkan permohonan penempatan LI kepada penyelaras LI terlebih awal. Proses penerimaan dan temuduga perlu diuruskan sendiri oleh pelajar. Pelajar dikehendaki memaklumkan kepada organisasi yang dipohon sama ada menerima atau menolak tawaran organisasi terbabit. Pemilihan penempatan LI oleh pelajar perlu dibuat melalui saluran seperti berikut:
 - i. Rujukan senarai syarikat/ majikan LI CIAST
 - ii. Rujukan senarai syarikat melalui jaringan kerjasama industri
 - iii. Rujukan senarai syarikat di dalam Sistem Pendaftaran, Peperiksaan dan Pengambilan Pelajar (3PPel)
 - iv. Pengesahan Ketua Program

3.2 Sebelum Menjalani Latihan Industri (LI)

- a. Pelajar DIWAJIBKAN menghadiri Taklimat Pra LI yang disampaikan oleh penyelaras LI.
- b. Semasa dalam tempoh permohonan LI, pelajar dikehendaki melengkapkan resume, mendapatkan surat permohonan dan borang jawapan daripada penyelaras LI. Dokumen - dokumen tersebut perlu dihantar ke organisasi yang dipohon.
- c. Borang jawapan dan surat- menyurat daripada organisasi hendaklah dimajukan kepada penyelaras LI untuk tindakan selanjutnya.
- d. Pelajar perlu mengambil maklum bahawa sebarang permohonan yang berjaya perlu mendapat sokongan Ketua Unit masing-masing dan diluluskan oleh Ketua Program.

- e. Pelajar hanya dibenarkan untuk memohon penempatan LI sebanyak satu (1) syarikat/industri pada satu (1) masa sahaja. Ini bagi mengelakkan pelajar terpaksa memilih 1 organisasi sahaja dan menolak organisasi berjaya yang lain di saat akhir. Situasi ini boleh menjejaskan imej CIAST dan persepsi bakal majikan terhadap graduan CIAST. Pelajar perlu bertanggungjawab terhadap semua permohonan yang dibuat.
- f. Pelajar diberikan tempoh masa satu (1) bulan sebelum tarikh lapor diri LI untuk mendapatkan penempatan LI .
- g. Pelajar DIWAJIBKAN mengikuti taklimat akhir LI oleh penyelaras LI sebagai penyediaan akhir sebelum menjalani LI .
- h. Pelajar adalah berisiko dikenakan tindakan tatatertib berpandukan peraturan akademik latihan di dalam Buku Peraturan Tatatertib dan Akademik Pelajar sekiranya gagal mematuhi perkara di atas.
- i. Surat pengesahan penempatan akan dihantar kepada organisasi dan salinan kepada pelajar untuk tindakan selanjutnya.

3.3 Semasa Menjalani Latihan Industri (LI)

- a. Pelajar DIWAJIBKAN melaporkan diri di organisasi mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
- b. Pelajar perlu mengemukakan Borang Pengesahan Lapor Diri (JPK/LI/01 Bil 3.0) kepada penyelaras LI pada minggu pertama lapor diri.
- c. Pelajar akan diletakkan di bawah penyeliaan seorang penyelia industri semasa dalam tempoh LI .
- d. Pelajar juga akan diletakkan di bawah penyeliaan penyelaras LI dan Ketua Unit yang dilantik oleh Ketua Program.
- e. Pelajar bertanggungjawab untuk kekal berhubung dengan penyelaras LI sepanjang tempoh LI di organisasi mengikut keperluan.
- f. Pelajar bertanggungjawab untuk menghantar Laporan Kedatangan Bulanan Pelatih (JPK/LI/01 Bil 5.0) pada minggu pertama setiap bulan kepada penyelaras LI. Di dalam tempoh PKP, bekerja dari rumah boleh diambil kira sebagai kehadiran harian pelajar. Walaubagaimanapun, perkara ini perlu mendapat persetujuan daripada organisasi dan disahkan oleh penyelia industri di dalam laporan kehadiran pelajar.
- g. Penyelaras LI akan menyelaras sesi lawatan ke organisasi sekurang-kurangnya satu (1) lawatan pada setiap sesi LI . Penilaian akan dibuat menggunakan Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/01 Bil 4.0). Lawatan dijadualkan seawal satu (1) bulan selepas tarikh lapor diri di organisasi berkenaan. Rujuk perkara 4.0 Lawatan Pemantauan LI.
- h. Pelajar yang telah mendapat kelulusan penangguhan LI daripada CIAST perlu menamatkan LI dalam tempoh maksimum penangguhan tidak lebih dari enam (6) bulan dari tarikh kelulusan permohonan penangguhan LI.
- i. Pelajar bertanggungjawab untuk menyediakan Laporan LI dan Fail LI serta melengkapkan Borang Laporan Penyelia (JPK/LI/02) untuk dihantar kepada Penyelaras LI dalam tempoh 2 minggu selepas tamat LI .

- j. Penyelia LI perlu melengkapkan Kaji Selidik Keberkesanan LI dan menyerahkan kaji selidik yang lengkap kepada Penyelaras LI dalam tempoh 2 minggu selepas pelajar tamat LI .
- k. Laporan LI perlu disemak oleh ketua unit sebelum dihantar ke Penyelaras LI.
- l. Pelajar selesai menjalani LI .

3.4 Tempoh Latihan Industri (LI) Semasa PKP

LI semasa PKP telah dipertimbangkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan (9 minggu) berbanding 3 bulan merujuk Panduan JPK/700/114 (4). Berikut adalah syarat-syarat tambahan bagi pelaksanaan LI ini semasa PKP:

3.4.1 Pelajar yang telah hadir sekurang-kurangnya 80% daripada tempoh LI boleh dipertimbangkan untuk tidak melengkapkan baki LI yang tertunggak. Walaubagaimanapun penyelaras LI bertanggungjawab mempertimbangkan pendedahan minima industri yang perlu dilalui oleh pelajar dalam memenuhi hasil LI yang ditetapkan oleh JPK. Sekiranya pendedahan minima industri tidak dicapai sepanjang 80% kehadiran tersebut, pelajar mempunyai 2 pilihan iaitu :

- a. Melengkapkan dengan menyambung semula LI bagi mencukupkan tempoh LI selama 3 bulan sebaik sahaja tamat PKP; atau
- b. Penggantian komponen LI dengan kaedah dan pendekatan lain dengan merujuk kepada perkara 3.5.

3.4.2 Pelajar yang tidak memenuhi 80% tetapi melebihi 40% kehadiran LI hendaklah :

- a. Melengkapkan dengan menyambung semula LI bagi mencukupkan tempoh LI selama 3 bulan sebaik sahaja tamat PKP; atau
- b. Penggantian komponen LI dengan kaedah dan pendekatan lain dengan merujuk kepada perkara 3.5.

3.4.3. Pelajar yang tidak memenuhi 40% kehadiran LI hendaklah menyambung semula LI sama ada di organisasi yang sama atau memilih organisasi lain sekiranya terdapat permasalahan untuk menyambung LI di tempat yang sama. Pelajar hendaklah menyambung dan mencukupkan tempoh pelaksanaan keseluruhan LI selama 3 bulan selepas tamatnya PKP.

3.5 Kaedah Penggantian / Alternatif kepada Latihan Industri (LI) Semasa PKP

Kaedah alternatif boleh dilaksanakan sebagai penggantian penuh atau sebagai pelengkap kepada Latihan Industri yang terpaksa dihentikan separuh jalan atau belum mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Pelajar yang dikehendaki menggantikan LI dengan kaedah penggantian atau alternatif lain yang bersesuaian perlu melibatkan kerjasama industri dengan penyeliaan oleh personel/pengamal industri berkaitan. Sebagai contoh, pelajar boleh melaksanakan projek berasaskan industri (industry-based project), projek berasaskan masalah (problem-based project), *topical study* atau *research project* mengikut kesesuaian program NOSS masing-masing.

- 3.5.1. Pelaksanaan projek berasaskan industri boleh merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Projek Akhir Kaedah Pentauliahan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia. Setiap projek boleh dilaksanakan secara individu atau kumpulan (maksimum 3 pelajar) berdasarkan jenis projek yang dilaksanakan.
- 3.5.2. Pelajar boleh membangunkan projek berasaskan industri dalam bentuk Projek Jenis Nyata atau Projek Jenis Kajian. Sekiranya Projek Jenis Nyata sukar dilakukan kerana PKP, pelajar dinasihatkan untuk membangunkan Projek Jenis Kajian bergantung kepada kesesuaian program.

a. Pembangunan Projek Jenis Nyata

Merujuk kepada produk atau perisian yang dibangunkan mengikut kaedah-kaedah yang sesuai. Pembangunan projek jenis ini perlulah menggabungkan teknologi - teknologi baru dan tidak meniru sebarang ciri-ciri produk yang sedia ada terdapat di pasaran. Perbandingan antara produk sedia ada dengan projek yang hendak dibangunkan perlu ditunjukkan dengan jelas beserta kajian dan sokongan data.

Projek jenis ini boleh merujuk kepada penyelesaian sesuatu masalah yang mungkin wujud sama ada di institut mahupun industri. Kaedah pembangunan dan pengujian ke atas projek yang dibangunkan perlu dinyatakan dengan jelas dan terperinci beserta sokongan data, analisa dan bukti-bukti yang berkaitan dengan projek (ditunjukkan dalam bentuk gambar foto).

Hasil dari projek jenis nyata adalah seperti produk/barang, reka bentuk, perisian, sistem aplikasi, perkakasan, dokumen tender, proses, perkhidmatan, acara dan lukisan kejuruteraan. Setiap projek hendaklah merangkumi elemen-elemen yang berlandaskan program NOSS yang sedang diikuti oleh pelajar.

b. Pembangunan Projek Jenis Kajian

Merujuk kepada kemahiran dalam melaksanakan kajian secara sistematik tentang sesuatu permasalahan yang boleh merangkumi pengurusan teknikal, teknologi baru, simulasi, persepsi dan sebagainya yang berkaitan dan bersesuaian dengan program NOSS masing-masing. Hasil kajian hendaklah disertakan sebagai bukti yang boleh terdiri daripada dokumen-dokumen yang dibangunkan, borang soal selidik, senarai semak, analisa kajian, dapatan kajian, dan foto.

Skop kajian berkisar kepada isu/masalah yang berkaitan dengan bidang (produk, proses, pelanggan, sistem, perisian). Metodologi kajian yang diguna pakai perlu dinyatakan dengan jelas dan terperinci beserta dengan sokongan data dan bukti-bukti yang berkaitan dengan kajian.

Hasil dari projek jenis kajian adalah seperti dapatan daripada analisis

perbandingan, pengujian saiz serta aplikasi produk, proses pembangunan produk, pembangunan perkakasan, pengaturcaraan perisian dan penghasilan lukisan kejuruteraan berkompuser (CAD), pengurusan industri, pengurusan keselamatan dan tinjauan. Setiap projek hendaklah merangkumi elemen-elemen yang berlandaskan program NOSS yang sedang diikuti oleh pelajar.

3.5.3 Tempoh Projek Jenis Nyata dan Projek Jenis Kajian

- a. Projek perlu dijalankan dalam tempoh LI berpandukan 3.4.1 dan 3.4.2 dimana ia perlu dilengkapkan oleh pelajar sebelum tarikh akhir LI. Tempoh projek adalah diantara 1 bulan (80% kehadiran) ke 1 bulan 3 minggu (40% kehadiran) tertakluk kepada peratus kehadiran LI yang telah dilengkapkan oleh pelajar tersebut.
- b. Projek mampu disiapkan dalam tempoh yang munasabah.

3.5.4 Pengesahan Cadangan Projek Jenis Nyata dan Projek Jenis Kajian

Pelajar perlu merujuk Ketua Unit di CIAST bagi memastikan tajuk dan skop projek bersesuaian dengan program NOSS masing - masing . Penyelaras LI perlu memastikan pengesahan projek dilakukan oleh penyelia industri yang bertanggungjawab menyelia pembangunan projek pelajar.

Kertas cadangan projek LI perlu disediakan oleh pelajar setelah mendapat khidmat nasihat dan persetujuan atau pengesahan dari penyelia industri dan ketua unit. Kertas cadangan dikehendaki meliputi perkara-perkara berikut:

- a. Muka depan
- b. Kandungan dengan mukasurat
- c. Abstrak
- d. Pengenalan
- e. Isi Kandungan
- f. Penutup

3.5.5 Penglibatan Projek Jenis Nyata dan Projek Jenis Kajian

Penyelia industri bertanggungjawab menyelia perkembangan projek manakala Ketua Unit di CIAST bertanggungjawab mengesahkan cadangan projek bersesuaian dengan program NOSS pelajar. Laporan projek LI perlu disediakan oleh pelajar dan dipantau oleh Penyelia industri berdasarkan format berikut :

Format Laporan Projek (LI)

- a. Tajuk
- b. Senarai nama individu / ahli kumpulan
- c. Nama penyelia
- d. Pengenalan, carta organisasi, visi, misi industri, fungsi jabatan dalam organisasi dan lain- lain

- e. Huraian tugas yang dilaksanakan
- f. Cabaran dan penyelesaian
- g. Sinopsis projek
- h. Pengenalan projek
- i. Objektif
- j. Konsep
- k. Faedah jangkaan
- l. Rujukan
- m. Lain-lain dokumen sokongan

4.0 Lawatan Pemantauan Latihan Industri (LI)

- a. Penyelaras LI bertanggungjawab menyediakan memo lantikan pegawai pemantau LI, jadual lawatan dan Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (Borang JPK/LI/01 Bil 4.0) kepada mana-mana pegawai yang telah dilantik. Sebarang pertukaran tarikh dan masa lawatan pemantauan perlu dimaklumkan kepada penyelaras LI.
- b. Surat lawatan pemantauan LI dan jadual lawatan akan dihantar oleh penyelaras LI kepada organisasi satu (1) minggu sebelum sesi lawatan dijalankan. Penyelia industri perlu bersedia dengan tarikh yang telah ditetapkan dan bertanggungjawab memastikan pelajar berada di organisasi semasa tempoh lawatan tersebut.
- c. Pegawai pemantau hendaklah berpakaian kemas semasa pemantauan dibuat demi menjaga imej CIAST. Ketepatan masa temujanji hendaklah diutamakan. Pegawai pemantauan perlu menghubungi organisasi atau penyelia industri sekiranya tidak dapat hadir seperti masa yang telah ditetapkan. Sekiranya lawatan pemantauan perlu dilaksanakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), lawatan dalam talian perlu dilaksanakan. Pegawai pemantau bertanggungjawab mencipta pautan/*link* dan kongsi bersama penyelia LI dan pelajar.
- d. Semasa lawatan pemantauan, pegawai pemantau hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:
 - i. Berbincang dengan Penyelia Industri
Mendapatkan maklum balas daripada penyelia industri berkaitan LI pelajar berpandukan kriteria penilaian pada Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/0201 Bil 4.0).
 - ii. Menyemak dokumen LI dan kesesuaian penempatan
Pegawai pemantau bertanggungjawab menyemak Fail Laporan Industri dan Catatan Harian Pelajar. Hasil dari semakan dokumen tersebut, pegawai pemantau perlu memastikan kesesuaian penempatan LI dan latihan yang dijalani pelajar agar ianya berlandaskan program NOSS yang sedang diikuti oleh pelajar.
 - iii. Memberi bimbingan dan khidmat nasihat dengan pelajar LI.
Pegawai pemantau bertanggungjawab untuk memberi bimbingan, pandangan dan khidmat nasihat sekiranya terdapat sebarang permasalahan sepanjang pelajar menjalani LI.

- e. Pegawai pemantau LI bertanggungjawab melengkapkan Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/0201 Bil 4.0) dan menyerahkan kepada penyelaras LI setelah selesai lawatan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh lawatan. Laporkan segera kepada penyelaras LI perlu dilakukan sekiranya terdapat isu/permasalahan di organisasi/ pelajar.

5.0 Verifikasi Latihan Industri (LI)

- a. Pelajar yang telah menamatkan LI hendaklah hadir ke CIAST dalam tempoh 2 minggu bagi pengesahan tamat latihan. Pelajar dikehendaki mengemukakan perkara-perkara tersebut kepada penyelaras LI.
 - i. Buku Log LI (JPK/LI/01); dan
 - ii. Laporan LI ; atau
 - iii. Laporan Projek LI
- b. Buku Log LI (JPK/LI/01) mengandungi :
 - i. Maklumat Peribadi Pelajar (JPK/LI/0201 Bil 1.0)
 - ii. Maklumat Industri LI (JPK/LI/0201 Bil 2.0)
 - iii. Borang Pengesahan Lapor Diri (JPK/LI/0201 Bil 3.0)
 - iv. Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri LI (JPK/LI/0201 Bil 4.0)
 - v. Laporan Kedatangan Bulanan Pelatih (JPK/LI/0201 Bil 5.0)
 - vi. Catatan Harian Pelatih(JPK/LI/0201 Bil 6.0)
 - vii. Laporan Penyelia Industri (JPK/LI/02)
 - viii. Keputusan Keseluruhan Penilaian LI (JPK/LI/03)
- c. Format Laporan LI (Lampiran A) :
 - i. Muka Depan (kulit) - Tajuk laporan dan maklumat pelatih
 - ii. Maklumat pelatih
 - iii. Pendahuluan
 - iv. Penghargaan
 - v. Isi Kandungan
 - vi. Bab Laporan
 - Bab 1 - Pengenalan, profil, carta organisasi, visi, misi industri, fungsi jabatan dalam organisasi
 - Bab 2 - Huraian tugas yang dilaksanakan
 - Bab 3 - Cabaran dan penyelesaian
 - Bab 4 - Kesimpulan
 - vii. Lampiran
- d. Pelajar perlu memastikan semua dokumen di dalam Buku Log LI (JPK/LI/01) telah lengkap dan disahkan oleh Penyelia Industri dan Pegawai Pemantau dan diserahkan untuk semakan kepada penyelaras LI.
- e. Pelajar juga perlu membangunkan Laporan LI mengikut garis panduan yang telah ditetapkan untuk semakan dan pengesahan oleh Pegawai Penilai (PP) sebelum diverifikasi oleh PP.

- f. Penilaian dibuat berdasarkan perkara-perkara berikut :
 - i. Menyempurnakan LI mengikut tempoh seperti para 3.4.
 - ii. Menyempurnakan LI mengikut tempoh yang telah dilengkapkan berdasarkan situasi semasa PKP (Kes pelajar yang perlu penggantian komponen LI).
 - iii. Lulus dalam penilaian **Laporan LI atau Laporan Projek LI** berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan.
 - iv. Menyiapkan **Buku Log LI (JPK/LI/01)** mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
 - v. Mendapat keputusan sekurang-kurangnya 'memuaskan' pada Laporan Penyelia Industri (JPK/LI/02).
 - vi. Menerima penilaian minima skala "3", bagi setiap komponen penilaian yang dirumuskan melalui Borang Keputusan Keseluruhan Penilaian LI (JPK/LI/03).
- g. Pelajar yang telah memenuhi semua syarat 5.0 g(i) – g (vi) di atas akan diberi keputusan LULUS LI .
- h. Kegagalan pelajar mematuhi peraturan dan undang-undang Industri LI serta gagal melengkapkan dokumentasi boleh menyebabkan pelajar gagal di dalam komponen LI .
- i. Pelajar yang gagal LI **selepas verifikasi PPL dan disahkan di dalam Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan CIAST (MJPP)** perlu memohon untuk mendaftar ulang nilai dengan bayaran RM100.00 dan menjalani LI mengikut tempoh seperti para 3.4.
- j. Pelajar yang telah mendapat kelulusan penangguhan LI daripada CIAST perlu menamatkan LI dalam **tempoh penangguhan maksimum tidak lebih dari enam (6) bulan** dari tarikh kelulusan permohonan penangguhan LI.

6.0 Tanggungjawab Ketua Program

- a. Membuat pengesahan penempatan LI pelajar yang diselaras oleh penyelarasi LI.
- b. Memastikan pelajar menjalani LI mengikut bidang pengkhususan.
- c. Meluluskan sebarang penerimaan pemilihan tempat LI .
- d. Ketua Program berhak menolak penempatan LI sekiranya tempat yang dimajukan pelajar tidak bersesuaian dengan bidang.
- e. Ketua Program berhak menolak permohonan penangguhan LI dan pertukaran LI pelajar jika tiada justifikasi yang kukuh. Segala urusan pertukaran adalah tertakluk atas budi bicara dan kelulusan pihak berkuasa CIAST.

7.0 Tanggungjawab Pelajar

- a. Mendapatkan penempatan LI dalam tempoh masa SELEWAT- LEWATNYA satu (1) bulan sebelum tarikh lapor diri LI.
- b. Melapor diri di organisasi penempatan pada hari dan masa yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran.
- c. Mematuhi dasar dan tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh organisasi dan CIAST berpandukan Peraturan Tatatertib & Akademik Pelajar CIAST.

- d. Menjaga nama baik CIAST dan majikan serta mematuhi arahan majikan dan penyelia industri dari semasa ke semasa. Pelajar yang melakukan kesalahan atau perkara yang bertentangan dengan peraturan organisasi dan CIAST berisiko untuk ditamatkan LI dan dikenakan tindakan tatatertib.
- e. Menghubungi dan berbincang dengan penyelarasi LI terlebih dahulu sekiranya terdapat masalah di tempat LI. Pelajar tidak dibenarkan sama sekali membuat keputusan bersendirian.
- f. Pelajar TIDAK DIBENARKAN bertukar organisasi penempatan tanpa kebenaran CIAST.
- g. Pelajar TIDAK DIBENARKAN melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang dilarang oleh pihak CIAST dan organisasi LI.
- h. Pelajar PERLU MEMASTIKAN semua borang, dokumen berkaitan dan projek akhir dilengkapkan dan diserahkan kepada pihak berkenaan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- i. Berkomunikasi terus dengan penyelarasi LI dan bukan melalui pihak ketiga atau menggunakan perantara seperti pengajar, rakan-rakan, ahli keluarga dan lain-lain.
- j. Memenuhi syarat-syarat LI seperti dalam Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Industri dan Internship dalam Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- k. Menyesuaikan diri dan melakukan perubahan positif berpandukan prosedur kerja yang betul dan selamat semasa menjalani LI dalam tempoh PKP.
- l. Mendaftar ulang nilai dengan bayaran RM100.00 dalam tempoh 1 bulan dari tarikh verifikasi LI terkini yang telah dijalani sekiranya gagal dalam verifikasi LI.
- m. Menamatkan LI dalam **tempoh penangguhan maksimum tidak lebih dari enam (6) bulan** dari tarikh kelulusan permohonan penangguhan LI.

8.0 Tanggungjawab Penyelarasi LI

- a. Menyelarasi keperluan permohonan dan penempatan pelajar bagi menjalani LI.
- b. Menyampaikan Taklimat Pra LI dan Taklimat Akhir LI.
- c. Menghubungi dan memberi khidmat nasihat kepada pelajar mengikut keperluan.
- d. Menyelarasi sesi lawatan ke organisasi LI sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh LI.
- e. Menyemak Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/01 Bil 4.0) dan mengambil tindakan lanjut sekiranya terdapat keperluan.
- f. Menjalin hubungan baik antara pihak organisasi LI.
- g. Membuat pengesahan bagi projek LI pelajar.
- h. Merujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib & Akademik Pelajar CIAST bagi sebarang perkara yang melibatkan kes khas seperti pertukaran tempat LI tanpa kebenaran, penarikan diri pelajar, konflik bersama majikan, salah laku majikan dan seumpamanya.
- i. Memastikan penyelia industri melengkapkan Laporan Penyelia Industri (JPK/LI/02) dan Kaji Selidik Keberkesanan LI dalam tempoh 2 minggu selepas pelajar tamat LI.
- j. Memastikan pelajar melengkapkan fail laporan LI dan laporan LI.
- k. Menyediakan sijil penghargaan kepada organisasi yang terlibat.

9.0 Tanggungjawab Penyelia Industri

- a. Melengkapkan Borang Jawapan Permohonan LI dan kembalikan kepada pelajar atau penyelaras LI untuk tindakan selanjutnya.
- b. Menentukan penempatan dan skop tugas yang bersesuaian dengan pelajar dan program NOSS yang sedang dijalani sekiranya permohonan pelajar untuk menjalani LI di organisasi diluluskan.
- c. Membuat pengesahan pada Borang Pengesahan Lapor Diri (JPK/LI/01) dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh lapor diri.
- d. Membuat pengesahan kehadiran pelajar menerusi Rekod Kehadiran Kedatangan Bulanan (JPK/LI/01- Bil 5.0) pada setiap bulan.
- e. Memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pelajar berkaitan tugas yang diberikan sesuai dengan bidang pengkhususan pelajar.
- f. Memberi maklum balas dan maklumat yang tepat kepada pegawai pemantau.
- g. Menilai prestasi pelajar sepanjang tempoh pelajar menjalani LI di organisasi dengan melengkapkan Borang Laporan Penyelia (JPK/LI/02) di akhir LI dan mengembalikan borang tersebut kepada penyelaras LI untuk tindakan selanjutnya.
- h. Melengkapkan Kaji Selidik Keberkesanan LI dalam tempoh 2 minggu selepas pelajar tamat LI .
- i. Menggunakan budi bicara untuk meluluskan permohonan cuti sakit atau cuti rehat pelajar yang di bawah seliaan. Urusan cuti pelatih perlu menggunakan Rekod Cuti Pelatih (Lampiran C). Walaubagaimanapun, cuti rehat dan cuti sakit adalah tidak dikira sebagai kehadiran pelajar.
- j. Memaklumkan kepada penyelaras LI dengan kadar segera sekiranya terdapat sebarang permasalahan pelajar semasa menjalani latihan di organisasi.
- k. Mengamalkan amalan kerja beretika yang merujuk kepada Akta Buruh Negara dan peraturan yang terpakai di organisasi LI sepanjang menyelia pelajar LI di organisasi.
- l. Memastikan tajuk dan skop projek LI bersesuaian dengan tempoh LI yang perlu dilengkapkan oleh pelajar merujuk perkara 3.4.1 dan 3.4.2.
- m. Merujuk perkara 3.5 bagi Kaedah Penggantian / Alternatif kepada LI (LI) Semasa PKP bagi menentukan skop projek LI yang bersesuaian dan mengikut kesesuaian program NOSS pelajar.
- n. Memantau penyediaan Laporan LI dan membuat pengesahan projek LI pelajar.
- o. Memastikan pelajar mengamalkan prosedur kerja yang betul dan selamat semasa menjalani LI di organisasi dalam tempoh PKP.

10.0 Tanggungjawab Ketua Unit

- a. Memastikan penempatan LI yang dipilih pelajar bersesuaian dengan bidang pengkhususan.
- b. Menyemak laporan akhir dan buku log pelajar dalam tempoh 2 minggu selepas tamat LI.
- c. Memaklumkan kepada penyelaras LI tarikh cadangan lawatan LI dan nama pegawai pemantau LI.

- d. Memantau dan memberi khidmat nasihat berkaitan projek LI pelajar.
- e. Menilai laporan bertulis pelajar menggunakan dokumen Keputusan Keseluruhan Penilaian (JPK/LI/03) yang disediakan.

11.0 Tanggungjawab Pegawai Pemantau LI

- a. Berkomunikasi dengan penyelia industri menentukan cadangan tarikh lawatan pemantauan LI.
- b. Memaklumkan kepada ketua unit tarikh dan lawatan pemantauan LI.
- c. Berpakaian kemas dan menepati masa semasa lawatan pemantauan demi menjaga imej CIAST.
- d. Menghubungi organisasi atau penyelia industri sekiranya tidak dapat hadir seperti masa yang telah ditetapkan.
- e. Mencipta pautan/*link* dan kongsikan bersama penyelia LI dan pelajar dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- f. Menyemak kesesuaian penempatan LI dan latihan berlandaskan program NOSS yang sedang diikuti oleh pelajar serta memberi cadangan sekiranya latihan yang diberikan kepada pelajar tidak bersesuaian.
- g. Berbincang dengan pelajar kesesuaian latihan yang diterima.
- h. Berbincang dengan penyelia industri untuk mendapatkan maklum balas berkaitan perkembangan pelajar berpandukan kriteria penilaian pada Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/0201 Bil 4.0).
- i. Menyemak fail laporan LI dan buku catatan harian pelajar (JPK/LI/0201 Bil 6.0).
- j. Melaporkan kepada penyelaras LI sekiranya terdapat masalah pada pelajar melalui Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/0201 Bil 4.0).
- k. Melengkapkan Borang Lawatan Pemantauan Latihan Industri (JPK/LI/0201 Bil 4.0) dan serahkan kepada penyelaras LI selewat-lewatnya 1 minggu selepas lawatan.

12.0 PENUTUP

Pematuhan Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Industri CIAST dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini diharapkan dapat memastikan penguasaan pelajar terhadap komponen latihan industri yang lebih optimum seterusnya memastikan pelaksanaan latihan norma baharu yang berkesan. Pelajar juga diharapkan dapat menimba pengalaman baharu sebagai pendedahan dan persediaan menempuh alam kerjaya dalam norma baharu semasa menjalani LI di organisasi dalam tempoh PKP. Pertimbangan kelonggaran pelaksanaan LI semasa PKP ini juga diharapkan dapat membantu pelajar dan personel berkaitan menjalani dan terlibat menguruskan LI dengan lancar dan mewujudkan persekitaran LI yang selamat dalam tempoh PKP.

CARTA ALIRAN KERJA LATIHAN INDUSTRI

Tindakan yang perlu dilakukan

1. Sebelum Latihan Industri

1.1 Pelajar **DIWAJIBKAN** menghadiri Taklimat Pra Latihan Industri yang disampaikan oleh penyelaras LI.

1.2 Pelajar dikehendaki melengkapkan resume, mendapatkan surat permohonan dan borang jawapan daripada Penyelaras LI.

1.3 Dokumen - dokumen tersebut perlu dihantar ke industri/syarikat yang dipohon.

